




















<b>Landmarks of Hougang</b> → → →	<b>Architectural Gems</b> → → →	<b>Institutions of Service</b> → → →	<b>Continuation of trail route</b> → → →	<b>Take a bus or alight here</b> BUS
	<b>Extended Trail</b> - - - - -			

## HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES

- |  |   |   |  |  |   |   |   |   |
|--|---|---|--|--|---|---|---|---|
| <br><b>AH SEAH TEOCHEW PORRIDGE</b> | <br><b>BLOCK 25</b>      | <br><b>CHEE TONG TEMPLE</b>    | <br><b>CHURCH OF THE NATIVITY OF THE BLESSED VIRGIN MARY</b> | <br><b>FORMER SIMON ROAD MARKET</b> | <br><b>HOUGANG TOU MU KUNG</b>                               | <br><b>MASJID HAJI YUSOFF</b>                          | <br><b>NEO KIAN GUAN CONFECTIONERY &amp; CAKES</b> | <br><b>PAYA LEBAR METHODIST CHURCH</b> |
| <br><b>PHOH KIU SIANG TNG</b>       | <br><b>RAINBOW BLOCK</b> | <br><b>RAMAKRISHNA MISSION</b> | <br><b>ST. PAUL'S CHURCH</b>                                 | <br><b>TECK CHYE TERRACE</b>        | <br><b>THE SERANGOON KHIUNG JAI CO-VILLAGERS ASSOCIATION</b> | <br><b>TIAN KONG &amp; KANCANARAMA BUDDHIST TEMPLE</b> | <br><b>TUA JIA KAR</b>                             | <br><b>ZI YUN KAI JI GONG</b>          |

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2020 National Heritage Board. All rights reserved.





Jejak Warisan Hougang adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memperkenalkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap ia dapat membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan tersebut, dan agar ia menjadi suatu sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pengunjung.



Upper Serangoon Road berhampiran persimpangan Upper Paya Lebar Road, 1967  
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Nasional Singapura

## LALUAN JALUR JEJAK PENDEK YANG DISARANKAN

Dari Monumen Negara kepada memori pelbagai masyarakat yang pernah menetap di Hougang, tiga jalur jejak bertema ini direka untuk membawa anda menelusuri sebuah perjalanan penemuan. Terokai Hougang di sebalik estet perumahan yang moden, menyingkap kisah-kisahnyanya menerusi warisan yang dibina, dan mengenali bagaimana ia diubah dari sebuah kawasan kampung kepada sebuah kawasan pinggir bandar hari ini.

### Mercu Tanda Hougang (1 jam bersama pengangkutan awam)

Selama sejarah Hougang dengan melawat mercu-mercu tanda utama sepanjang Upper Serangoon Road, sebatang jalan raya yang telah dikaitkan dengan kawasan itu sejak lebih dari 70 tahun lalu. Jalur jejak ini membawa anda ke salah satu jalan raya tertua di Singapura, dan memperkenalkan tapak-tapak yang mewakili pelbagai masyarakat yang pernah tinggal atau bekerja di Hougang.

Mulakan perjalanan anda di **Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary**, mercu tanda tertua di Hougang dan lambang masyarakat Katolik Teochew di sini. Gereja Roman Katolik ini ditubuhkan pada tahun 1852 oleh Les Mission Étrangères de Paris (MEP) bagi menyediakan upacara agama kepada masyarakat Katolik Teochew yang semakin berkembang di sini. Sekolah-sekolah seperti Sekolah Holy Innocents' English Boys' (dinamakan semula sebagai Sekolah Montfort), dan CHIJ Our Lady of the Nativity, telah ditubuhkan di perkarangan gereja itu - Holy Innocents' English Boys' pada tahun 1916 dan CHIJ Our Lady of the Nativity pada tahun 1957. Hari ini, warisan Teochew di gereja itu masih jelas - sesi upacara minggunya masih dijalankan dalam dialek Teochew. Gereja itu diwartakan sebagai Monumen Negara pada tahun 2005.

Seterusnya, seberang jalan menggunakan jejantas dan naiki bas ke MRT Kovan. Ketika anda menyeberangi jalan, anda akan melihat satu deretan rumah teres satu-tingkat di sebelah kanan anda, dan patung-patung gangsa penjual ayam itik bersama pelanggan, di sebelah kiri. Patung-patung gangsa ini memperingati bekas tapak **pasar Simon Road** yang dibina pada tahun 1948 dan pernah memenuhi keperluan penduduk yang tinggal di kawasan timur laut Singapura sehingga ia ditutup pada tahun 1999. Turut melengkap pasar tersebut ialah satu deretan rumah teres satu-tingkat yang anda lihat hari ini. Deretan ini satu-satunya bangunan bekas kawasan pasar yang kekal sehingga hari ini.

Sambung perjalanan anda di Upper Serangoon Road menuju ke **Gereja St. Paul's**. Siap dibina pada tahun 1936, gereja Anglikan ini pada mulanya menyediakan upacara agama bagi pegawai dan askar British serta keluarga mereka, dan masyarakat Serani yang tinggal di kawasan Teochew itu. Pembinaan gereja tersebut dibiayai sebuah keluarga Serani yang dikenali sebagai Ehlers, yang juga tinggal di Hougang. Setelah tempoh peperangan berakhir, jemaah gereja mula berkembang dan merangkumi anggota dari masyarakat Cina dan Tamil.



Teruskan berjalan anda di sepanjang Upper Serangoon Road menuju ke **Masjid Haji Yusoff**, masjid tertua di Hougang yang diasaskan pada tahun 1921. Institusi ini dibina di atas tanah yang didermakan oleh pedagang dan dermawan Gujarat, Ahmad Mohamed Salleh Angullia. Beliau juga merupakan seorang Jaksa Pendamai dan seorang individu yang dikenali dalam kalangan masyarakat Islam. Masjid itu memenuhi keperluan masyarakat Islam yang tinggal di kampung-kampung Melayu di sekitar kawasan Hougang dan Upper Paya Lebar, seperti Kampung Haji Sirat berdekatan dengan Jansen Road.



Terletak tidak jauh dari masjid itu, **Hougang Tou Mu Kung**, merupakan kuil tertua di Singapura yang didedikasikan untuk Sembilan Tuhan Maharaja. Ia pertama kali ditubuhkan sebagai sebuah keramat di Kampung Lim Loh (di Wolskel Road kini) sebelum dipindahkan ke tapak kini pada tahun 1921. Kuil itu dikenali bagi perayaan Sembilan Tuhan Maharaja yang diadakan selama 11 hari pada bulan kesembilan kalendar Cina. Perayaan ini dipenuhi dengan pelbagai upacara dan perarakan gah ke Sungei Serangoon untuk menyeru dewa-dewa masuk ke kuil. Kuil itu diwartakan sebagai Monumen Negara pada tahun 2005.



Teruskan lagi perjalanan anda sehingga anda sampai ke persimpangan Upper Serangoon Road dan Boundary Road, dan anda akan tiba di **Teck Chye Terrace**, yang dibina pada tahun 1928 oleh peniaga Cina, Lim Teck Chye. Ia merupakan mercu tanda kawasan pasar Lim Tua Tow yang dulu. Pasar tersebut dikenali sebagai sebuah tempat makan bagi para penduduk di sekitar kawasan itu. Sehingga tahun 1990-an, penjaja jalanan pernah memenuhi kawasan pasar tersebut. Hari ini Teck Chye Terrace, masih dikenali sebagai sebuah kawasan yang menawarkan pelbagai makanan. Anda boleh singgah di **Ah Seah's Teochew Porridge**, sebuah perniagaan keluarga yang menyediakan makanan tradisional Teochew sejak tahun 1960-an.



Tamatkan penerokaan anda di Upper Serangoon Road di **Gereja Methodist Paya Lebar** yang terletak di seberang persimpangan Upper Serangoon Road dan Boundary Road. Ditubuhkan pada tahun 1932, gereja ini merupakan yang pertama dan satu-satunya di Hougang yang menawarkan upacara dalam bahasa Melayu Baba bagi masyarakat Kristian Peranakan. Khidmat ini bermula sebagai Upacara Sembahyang Bahasa Melayu pada tahun 1934, bagi mendekati masyarakat Peranakan yang tinggal di kawasan tersebut. Pusat Covenant di belakang bangunan utama gereja juga merupakan tapak lama Sekolah Perempuan Methodist Paya Lebar, sebelum ia berpindah ke Lorong Ah Soo.

### Permata Seni Bina (1 jam 45 minit dengan pengangkutan awam)

Hougang merupakan sebuah pameran gaya seni bina yang melambangkan tempoh masa dan landskap budaya kawasan tersebut sebelum bandar moden Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) dibina di situ pada awal tahun 1980-an. Jalur jejak ini membolehkan anda meneroka warisan binaan Hougang, seperti rumah-rumah kedai yang dibina sebelum perang, institusi agama dan Monumen Negara.



Mulakan perjalanan anda di **Misi Ramakrishna**, yang terletak berdekatan dengan stesen MRT Bartley. Bangunan-bangunan yang dipulihara dalam perkarangan misi itu siap dibina pada tahun 1950-an, sejurus setelah Ketua Pesuruhjaya bagi Asia Tenggara, Malcolm MacDonald, meletakkan batu asas bagi rumah kanak-kanak lelaki itu pada tahun 1948. Cuba perhatikan kuil berwarna biru dan krim yang dibina di perkarangan itu pada tahun 1952. Kuil tersebut mengikut reka bentuk kuil utama misi tersebut di Bengal Barat, India. Ia menggabungkan ciri-ciri dan motif seni bina agama-agama berbeza seperti agama Buddha dan Islam, dan melambangkan kepercayaan misi tersebut bahawa semua agama menjurus ke arah matlamat yang sama, iaitu kesedaran.



Seterusnya, jalan menembusi Estet How Sun dan sepanjang Upper Paya Lebar Road untuk sampai ke **Kuil Tian Kong & Kuil Buddha Kancanarama**, sebuah kompleks yang menempatkan sebuah kuil agama Buddha Thai dan sebuah kuil agama Tao. Institusi ini adalah di antara lima kuil Thai di Singapura yang diiktiraf secara rasmi oleh Raja Thailand. Ia juga menyepadukan sebuah kuil agama Tao yang didedikasikan untuk dewa Tian Kong. Bangunan yang siap dibina pada tahun 1996 itu menggabungkan ciri-ciri seni bina klasik tradisional Thai, lengkap dengan bumbung bertingkat dan struktur hiasan runcing di hujung-hujung bumbungnya.



Kemudian, jalan sepanjang Upper Paya Lebar Road sehingga anda sampai di sebuah persimpangan di Upper Serangoon Road dan seberang ke **Teck Chye Terrace**. Dibina pada tahun 1928, rumah-rumah kedai yang dibina sebelum perang itu direka bagi melambangkan gaya Art Deco, yang jelas dalam elemen-elemen hiasan geometri di atas tingkat tingkat dua bangunan, dan garisan-garisan lurus yang membingkai permukaan bangunan tersebut.

Teruskan perjalanan anda di sepanjang Upper Serangoon Road untuk sampai ke **Kuil Hougang Tou Mu Kung**. Kuil tersebut asalnya dibina pada tahun 1902 dalam gaya tradisional Hokien, seperti lengkungan-lengkungan yang jelas pada bumbung-bumbungnya. Kuil itu menyepadukan ciri-ciri seni bina Teochew apabila ia menjalani kerja-kerja peningkatan selanjutnya, menyebabkan cerun di lengkungan-lengkungan bumbung kuil itu menjadi lebih lembut. Perhatikan dinding-dinding di sekitar jendela bangunan utama kuil dengan teliti, dan cuba cari ukiran hiasan geometri yang dipahat pada dinding apabila bangunan pertama kali dibina. Semasa kerja-kerja peningkatan yang lalu, ukiran-ukiran ini ditutup dengan plaster dan ia hanya ditemui semula dan dipulihara semasa kerja peningkatan kuil yang baru berlaku pada tahun 2016.

Naiki bas untuk ke Monumen Negara kedua Hougang, **Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary**. Sepanjang perjalanan, pastikan anda dapat mengesan **Blok 25** di sebelah kanan anda, sebuah blok HDB dengan lukisan mural langit yang cerah dan terang, mengalu-alukan kehadiran anda ke Hougang. Setelah anda tiba di gereja, cuba lihat ciri-ciri Neo-Gothic bangunan, seperti lengkungan-lengkungan (arches) dan kekubah beralur (ribbed vaults). Berusia lebih seabad, gereja tersebut dibina pada tahun 1901 dan kemudian diluaskan pada tahun 1933 bagi menempatkan sebuah tempat perlindungan dan sebuah sakristi (tempat simpanan barangan) yang baru. Lihat patung marmar Immaculate Conception of Mary yang terletak di hadapan gereja. Ia didermakan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim, pada tahun 1946.

Teruskan perjalanan anda ke Hougang Avenue 7 dan pergi ke **Blok 316**, atau lebih dikenali sebagai **Blok Pelangi Hougang**. Seperti Blok 25, Blok 316 menonjol secara visual, dengan lukisan mural pelangi yang berwarna-warni dan terang. Meskipun lukisan mural itu telah beberapa kali direka semula, ia masih menjadi ikon moden Bandar Hougang hari ini.

**Pilihan:** Sekiranya anda mahu meneroka lebih lanjut, jalan sepanjang Hougang Avenue 3 ke **Kuil Chee Tong** yang siap dibina pada tahun 1987. Semasa pembinaannya, para arkitek kerap menjalani konsultasi bersama dewa-dewa kuil menerusi medium untuk mendapatkan maklum balas ketuhanan mengenai reka bentuk bangunan. Ekoran itu, para arkitek sengaja tidak menerapkan sudut-sudut tajam yang dianggap sebagai tidak mendatangkan tuah. Tambahan itu, puncak bumbung kuil direka dengan prisma lapan muka, untuk memperlihatkan bentuk teratai, yang merupakan simbol kesucian dalam budaya Cina.



### Institusi Perkhidmatan (1 jam 30 minit dengan pengangkutan awam)

Hougang menjadi rumah bagi beberapa pertubuhan dan tempat yang dibina bagi menyediakan khidmat kepada pelbagai masyarakat di kawasan itu. Jalur jejak ini membawa anda melihat pelbagai pertubuhan dan tempat di Hougang untuk meninjau bagaimana ia memenuhi keperluan-keperluan masyarakat di situ.



Mulakan jalur jejak di **Phoh Kiu Siang T'ng**, tidak jauh dari MRT Kovan. Pertubuhan ini merupakan salah satu daripada tiga *shantang* atau dewan kebajikan di Hougang yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat Teochew. Phoh Kiu Siang T'ng diasaskan pada tahun 1929 di Upper Circular Road dan dipindahkan ke sini pada tahun 1953. Sejak tahun 1967, pertubuhan Teochew ini telah mengendalikan sebuah klinik perubatan secara percuma, dan kerap menyokong inisiatif amal seperti derma untuk warga emas.

Jalan menembusi Kovan City untuk sampai ke **Tua Jia Kar** ("kaki perigi besar" dalam dialek Teochew), sebuah replika peringatan bagi sebuah perigi besar yang pernah menyediakan air bersih bagi penduduk kampung di kawasan tersebut. Perigi awam itu asalnya terletak di Kampung Somapah Upper Serangoon (kini Kovan City). Meskipun air paip kemudian dipasang di kampung itu, dikatakan ramai penduduk kampung masih gemar memimba air dari Tua Jia Kar. Perigi ini begitu penting bagi penduduk lama, hinggan sebuah replika dengan plak peringatan dipasang di sini pada tahun 2005.



Kemudian jalan ke Hougang Avenue 3 untuk melawat **Neo Kian Guan Confectionery**, sebuah perniagaan keluarga yang telah berkhidmat kepada penduduk Hougang lebih daripada 70 tahun. Terkenal bagi pastrri Hokien dan Teochew, perniagaan itu asalnya diasaskan pada 1930an di Jalan Kayu. Pada tahun 1949, pengasasnya berpindah ke Lim Tua Tow Road di mana ia menjadi popular dalam kalangan penduduk dan kuil di Hougang. Kedai itu kemudian berpindah ke premisnya yang sekarang pada tahun 2008 dan kini dikendalikan generasi ketiga keluarga itu.



Ambil angin dengan berjalan sepanjang Hougang Avenue 3 ke **Zi Yun Kai Ji Kong**. Kompleks kuil ini menempatkan tiga kuil lebih kecil yang dipindahkan ke sini tahun 1990-an: Kuil Kai Hock Tong, Kuil Keat Sun Beo dan Kuil Chao Ying Kong. Lebih ketara, Kuil Kai Hock Tong diasaskan oleh peniaga, Lim Loh, yang juga bapa kepada wira perang,

Lim Bo Seng. Pada lewat 1800an, Lim Loh membawa dupa (incense) daripada kuil sukunya di Fujian, China, ke kilang binaan batunya di Wolskel Road untuk dijadikan keramat keluarga. Pada tahun 1919, sebuah kuil tetap dibina di lokasi keramat dan ia beroperasi sehingga tahun 1990-an, sebelum dipindahkan ke tapak kini. Kini, ramai keturunan suku Lim masih bersebahyang di kuil itu.



Kembali ke Tampines Road, naiki bas ke Lorong Ah Soo dan turun di **Persatuan Penduduk Kampung Bersama Serangoon Khiong Jai**. Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1958 oleh masyarakat Hainan yang tinggal di Lorong Ah Soo, sebuah kawasan yang digelar oleh penduduk setempat sebagai Hai Lam Hng ("Taman Hainan" dalam dialek Teochew dan Hokien). Persatuan itu menyediakan sokongan sosial dan bantuan kepada penduduk Hainan di Lorong Ah Soo dan dikenali sebagai badan yang memupuk para pelakon opera Hainan semasa tahun-tahun 1960an dan 1970an. Hari ini, persatuan itu masih terus menawarkan program dan khidmat kepada masyarakat, termasuk dermasiswa pendidikan bagi kanak-kanak yang tinggal di Hougang.



Akhir sekali, naiki bas atau jalan sepanjang Upper Paya Lebar Road dan tembus ke Estet How Sun untuk sampai ke **Misi Ramakrishna**, sebuah cawangan Order Ramakrishna India. Pada tahun 1943, misi tersebut mengasaskan sebuah rumah kanak-kanak lelaki bagi golongan miskin dan yatim piatu di tapaknya di Bartley Road. Pada tahun 1950, Perdana Menteri India ketika itu, Jawaharlal Nehru, melawat misi itu dan merasmikan pembukaan sebuah bangunan baru di perkarangan tersebut untuk rumah kanak-kanak lelaki. Sejak itu, misi tersebut telah meluaskan usaha pendekatan dan dermawannya untuk merangkul sebuah bekas sekolah bahasa Tamil, sebuah klinik perubatan, khidmat kaunseling dan sebuah perpustakaan kecil yang dibuka kepada orang ramai.